

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI KHAMIS, 24 MEI 2007, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 13**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PN-1141-L2373  
**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah kekosongan bagi jawatan pakar fisioterapi yang masih belum terisi di hospital-hospital Kerajaan di seluruh Malaysia dan apakah tindakan Kementerian untuk memastikan jawatan ini diisi.
2. PN-1141-L2315  
**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan tentang senarai tuntutan bertindih antara Malaysia dengan negara-negara jirannya. Tuntutan bertindih yang manakah yang melibatkan ICJ dan setakat manakah peluang Malaysia memenangi kes-kes tuntutan bertindih itu.
3. PN-1141-L2659  
**Tuan Munusamy a/l Mareemuthu** minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan berapakah promosi bagi Tahun Melawat Malaysia 2007 yang telah diadakan dan berapakah kos yang terlibat dalam promosi ini.
4. PN-1141-L2103  
**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan setakat ini berapa banyak syarikat-syarikat pengeluar makanan yang beroperasi tanpa loji rawatan yang telah didakwa di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, kerana didapati melepaskan effluent (sisa buangan) perindustrian melebihi had yang ditetapkan.
5. PN-1141-L2450  
**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib** minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan sejauh mana peranan BERNAMA TV selaku media rasmi negara yang agak ketinggalan dari aspek pemberitaan berbanding berita stesen televisyen lain di negara ini.

6. PN-1141-L2824  
**Dato' Azian bin Osman** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah bagi mengawal aktiviti penyeludupan dan kemasukan pendatang asing terutama dari pintu Thailand serta keberkesanannya.
7. PN-1141-L2818  
**Tuan Chua Kim Chuan** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan berapakah jumlah sekolah kebangsaan yang telah memulakan pengajaran Bahasa Mandarin pada tahun 2007 dan berapakah jumlah guru yang telah dan sedang dilatih dalam bahasa berkenaan.
8. PN-1141-L2721  
**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tentang inisiatif Chiangmai atau "The Chiang Mai Initiative" yang diambil oleh beberapa negara Asia. Mampukah inisiatif ini menandingi IMF dan dapatkah ia menjamin kerjasama untuk menentukan kestabilan kewangan (monetary) di kalangan negara-negara Asia.
9. PN-1141-L2880  
**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad** minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan jumlah semua warga asing mengikut negara asal mereka yang berkahwin dengan warga tempatan yang telah mendapat pas lawatan sosial atau Visa Kerja antara April, 2003 - April, 2007 dan nyatakan daripada jumlah tersebut berapakah yang telah bercerai atau berpisah. Bagaimana strategi pemantauan yang dibuat bagi memastikan kemudahan ini tidak dapat dieksploitasikan oleh sindiket yang tidak bertanggungjawab untuk maksud yang terselindung.
10. PN-1141-L2282  
**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bahawa benarkah keengganan wanita terpelajar sekarang berkahwin adalah akibat tidak langsung daripada gerakan kesaksamaan gender dan kalau begitu bagaimana fenomena ini harus ditangani.
11. PN-1141-L2845  
**Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah justifikasi penggunaan Proton Perdana V6 Executive sedangkan sesetengah daripada kenderaan tersebut kualitinya kurang memuaskan. Apakah tindakan pihak Kementerian bagi menangani masalah ini.
12. PN-1141-L2392  
**Che Puan Sri Kelana D'raja Datin (Dr.) Nik Azizah binti Haji Nik Yahya** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan sejauh mana Malaysia dilihat sebagai sebuah negara yang mengambil berat terhadap sukan wanita.

13. PN-1141-L2091  
**Datuk (Dr.) Jins bin Shamsudin** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kementerian sedar tentang kewujudan satu kempen ramalan nombor ekor diedarkan oleh orang-orang tertentu dari Kedah dengan membuat pengakuan kononnya Tok Guru mereka boleh membantu mendapatkan nombor ekor dan menang, dan mereka mendakwa boleh membawa keluar daripada kemiskinan.
14. PN-1141-L2912  
**Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah program-program antarabangsa yang telah diperkenalkan oleh Malaysia dalam usaha untuk menjadikan negara ini sebagai Pusat Kewangan Islam terkemuka di rantau ini dan apakah inisiatif-inisiatif Kerajaan untuk menarik masuk pelaburan dalam bidang ini dari luar negara terutamanya dari Timur Tengah
15. PN-1141-L2044  
**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik jumlah keluarga Melayu atau bumiputera miskin di Pulau Pinang mengikut pecahan kawasan.
16. PN-1141-L2169  
**Tuan Lee Chee Keong** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan kesan-kesan positif dan negatif terhadap enjin kenderaan dan alam sekitar jika kita beralih menggunakan minyak petrol yang mengandungi bahan sulfur 0.05% (sulphuretted petroleum).
17. PN-1141-L2558  
**Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bagaimana Kementerian dapat mengenal pasti sekolah-sekolah yang tidak melaksanakan Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) dan apa pula tindakan yang akan diambil terhadap Guru Besar dan Pengetua yang tidak melaksanakan program ini.
18. PN-1141-L2851  
**Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan memastikan institusi-institusi kewangan mengambil tindakan terhadap pemiutang dahulu sehingga diiktiraf sebagai muflis oleh mahkamah sebelum mengambil tindakan terhadap penjamin.

19. PN-1141-L2216  
**Ir. Hiang A Li** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) adakah pihak Kerajaan merancang untuk melaksanakan Projek Pembangunan Koridor Pantai Timur; dan
  - (b) apakah dasar untuk memberi insentif kepada pelabur-pelabur bagi menggalakkan mereka melabur dalam projek ini.
20. PN-1141-L2030  
**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah rasionalnya mensasarkan Malaysia bebas daripada penyalahgunaan dadah menjelang tahun 2015 yang berdasarkan penurunan jumlah penagih sebanyak 30% pada awal tahun ini dan apakah kaedah implementasinya yang akan dikemukakan bagi mencapai sasaran tersebut.
21. PN-1141-L2197  
**Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato N.S Maniam** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian untuk menarik minat golongan belia bagi menganggotai persatuan dan pertubuhan belia bagi mengelakkan golongan ini melibatkan diri dalam kegiatan yang tidak bermoral.
22. PN-1141-L2429  
**Dato' Yip Kum Fook** minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan mengapakah syarat umur Sami Buddha dari luar negara yang ingin memohon pas lawatan (ikhtisas) hendaklah berumur 40 tahun ke atas.
23. PN-1141-L2591  
**Dr. Raja Ram a/l K.Nadayson** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan peluang-peluang serta kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Kementerian dalam membantu ibu-ibu tunggal yang semakin hari semakin meningkat.
24. PN-1141-L2631  
**Puan Heng Seai Kie** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah biasiswa yang telah ditawarkan dari tahun 2001 hingga 2006 kepada pelajar cemerlang mengikut komposisi kaum dan apakah kriteria-kriteria yang dipertimbangkan dalam pemilihan calon.
25. PN-1141-L2351  
**Puan Hajah Wan Hazani binti Wan Mohd Nor** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah syarat-syarat untuk melayakkan sesuatu permainan dijadikan sebagai Sukan Teras.

26. PN-1141-L2904  
**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah kaunter MAS di KL Sentral kepunyaan ERL mewajibkan seseorang itu untuk 'Check In' mesti mempunyai tiket ERL. Mengapa dominasi ini berlaku.
27. PN-1141-L2560  
**Puan Mumtaz binti Md. Nawi** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan bilakah Kerajaan akan memperkenalkan kod etika pakaian sukan yang menutup aurat peringkat sekolah dan jabatan.
28. PN-1141-L2069  
**Dato' Gooi Hoe Hin** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan sama ada Syarikat Brightrims Manufacturing Sdn. Bhd. diberi lesen perkilangan walaupun ianya tidak mematuhi berbagai syarat-syarat tanah dan alam sekitar.
29. PN-1141-L2553  
**Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil bagi mewujudkan sekretariat bersama Bank Negara Malaysia (BNM) untuk membantu universiti meningkatkan kecekapan mahasiswa dalam bidang perbankan, kewangan dan insurans.
30. PN-1141-L2900  
**Dato' Omar bin Faudzar** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan langkah-langkah diambil Kementerian ini untuk meluaskan lagi ruang penglibatan koperasi dalam bidang perniagaan selain 'bidang tradisi' seperti bidang pengangkutan kenderaan perdagangan atau menjadi pemaju projek perumahan, supaya koperasi-koperasi ini mempunyai daya tahan, berdaya maju dan berdaya saing.
31. PN-1141-L2497  
**Tuan Lee Sing Chooi** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan Rapid KL sebagai satu syarikat kepunyaan Kerajaan, mengapa mesin tiket Putra LRT hanya boleh menerima sekeping wang kertas. Berapa peratusan tiket dijual melalui mesin tiket, kaunter, peratusan yang menggunakan pas dan "Touch-n-go" dan cadangan untuk mengatasi kelemahan mesin tiket tersebut.
32. PN-1141-L2268  
**Tuan Osman bin Bungsu** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang mewujudkan unit pemantauan dan pandu arah kepada para pelajar yang cemerlang yang mempunyai pencapaian tahap IQ yang tinggi.

33. PN-1141-L2112  
**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah kewibawaan dan kejayaan anggota pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam menangani kegiatan jenayah di negara ini, sehinggakan YAB. Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi terpaksa mengisytiharkan 'perang habis-habisan' dalam usaha membanteras kegiatan tersebut.
34. PN-1141-L2260  
**Datuk Dr. Lee Chong Meng** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pemohon bukan Melayu ke jawatan Kerajaan dan jumlah kekosongan yang diiklankan dari tahun 2001 hingga 2006 dan mengapakah Kerajaan tidak mengambil kesempatan dan memasukkan jumlah pemohon bukan Melayu itu bagi mengisi jawatan kosong sebagai cara mencapai sasaran Kerajaan dalam pengambilan kaum bukan Melayu ke dalam perkhidmatan awam.
35. PN-1141-L2812  
**Tuan Chua Kim Chuan** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kerajaan bercadang membina sebatang 'Costal Highway' dari Butterworth ke Kuala Perlis.
36. PN-1141-L2708  
**Tuan Tan Bon You** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kementerian ada membuat ukuran ruang keluasan yang diperlukan oleh seseorang individu untuk hidup dengan selesa sebelum membina rumah mesra rakyat di mana yang sedia ada nampaknya kecil dan sempit.
37. PN-1141-L2251  
**Dato' Tajul Urus bin Haji Mat Zain** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah punca layanan kurang mesra kakitangan Kerajaan di kaunter-kaunter awam disebabkan mereka tidak diberi penekanan dari segi aspek mesra pelanggan semasa proses temu duga.
38. PN-1141-L2215  
**Ir. Hiang A Li** minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan adakah Kementerian menyedari tentang kegiatan syarikat dan agensi pelancongan negara jiran yang mengambil kesempatan menggunakan produk-produk pelancongan di negara ini untuk mempromosikan industri pelancongan dengan menarik pelancong asing berkunjung menerusi negara itu.
39. PN-1141-L2356  
**Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan langkah-langkah yang dirangka di peringkat IPTA bagi memupuk masyarakat berbudaya dan memiliki kekuatan moral seperti mana yang dihasratkan oleh Kerajaan dalam RMK-9.

40. PN-1141-L2815  
**Tuan Chua Kim Chuan** minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk menangani masalah dua kerakyatan, iaitu Malaysia dan Thailand oleh rakyat di sempadan.
41. PN-1141-L2508  
**Puan Wan Ubaidah binti Omar** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan usaha-usaha Kerajaan setakat ini bagi menambah baik perkhidmatan pengangkutan awam sejak kenaikan harga minyak.
42. PN-1141-L2170  
**Tuan Lee Chee Keong** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha-usaha dan promosi Suruhanjaya Pilihan Raya dalam menggalakkan 4.9 juta penduduk yang masih belum mendaftar menjadi pengundi untuk berbuat demikian.
43. PN-1141-L2027  
**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah kesan kepada sosio-ekonomi negara sekiranya kita tidak menandatangani Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) dengan pihak Amerika Syarikat.
44. PN-1141-L2918  
**Tuan Ahmad bin Hussin** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status kemajuan yang telah dicapai oleh Institut Integriti Malaysia (IIM) bagi mengurangkan gejala rasuah di negara ini semenjak ditubuhkan.
45. PN-1141-L2157  
**Tuan Tay Puay Chuan** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menggubal undang-undang untuk mengawal harga ubat-ubatan yang terlalu tinggi di pasaran jika dibandingkan dengan negara-negara lain.
46. PN-1141-L2795  
**Datuk Armani binti Haji Mahiruddin** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan bagaimanakah cara Kementerian mengatasi masalah berhubung isu kekurangan penyertaan bumiputera Melayu dalam sektor peruncitan dan pengedaran.
47. PN-1141-L2342  
**Puan Hajah Wan Ramlah binti Wan Ahmad** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan mengapakah Kementerian tidak mengetatkan syarat pengambilan pekerja bagi syarikat-syarikat keselamatan yang sepatutnya boleh diambil dari kalangan pesara polis mahupun tentera.

48. PN-1141-L2702  
**Datin Paduka Nor Hayati Binti Tan Sri Dato' Seri Onn** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan peranan dan sumbangan ATMA dalam operasi membantu rakyat ketika banjir besar melanda negeri Johor pada akhir tahun 2006.
49. PN-1141-L2777  
**Tuan Maijol bin Mahap** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jangkaan kadar kemiskinan di Sabah selepas Rancangan Malaysia ke-9 berakhir.
50. PN-1141-L2077  
**Dato' Gooi Hoe Hin** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sama ada kaum bukan Melayu akan dilantik menjadi Naib Canselor bagi salah sebuah universiti tempatan awam pada masa terdekat.
51. PN-1141-L2206  
**Tuan Chiw Tiang Chai** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Kementerian untuk membantu ibu-ibu tunggal dan suri-suri rumah untuk dilengkapi modal insan yang mampu menyumbang kepada arus perdana kehidupan dan memberi sumbangan bermakna dalam proses pembangunan sesebuah negara.
52. PN-1141-L2142  
**Datuk Chew Vun Ming** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah pihak Kementerian akan mengkaji semula harga tambang syarikat penerbangan MAS yang dikatakan jauh lebih mahal daripada syarikat penerbangan yang lain.
53. PN-1141-L2759  
**Datuk Soon Tian Szu** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan banyak kes penderaan pembantu rumah asing yang tidak dilaporkan, setakat ini berapakah kes penderaan pembantu rumah asing yang diterima oleh Kementerian dan apakah bantuan yang disalurkan kepada mangsa.
54. PN-1141-L2397  
**Dato' Haji Idris bin Haji Buang** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian untuk memperhebatkan pengeluaran dan penggunaan bio-diesel / bio-fuel dan mempertahankan (to protect) harga bahan-bahan tersebut di pasaran dunia.
55. PN-1141-L2409  
**Che Puan Sri Kelana D'raja Datin (Dr.) Nik Azizah binti Haji Nik Yahya** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sektor pekerjaan yang mengalami kekurangan tenaga sumber manusia yang kritikal sekarang.

56. PN-1141-L2400  
**Dato' Haji Idris bin Haji Buang** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk menambah dan menaik taraf kehidupan anggota polis dan tentera di segi kemudahan tempat tinggal, gaji dan elaun termasuk sara hidup, kebajikan keluarga dan anak-anak mereka sama ada di segi persekolahan, kesihatan dan sebagainya agar anggota tersebut dapat menumpukan perhatian di dalam tugas mereka.
57. PN-1141-L2559  
**Dato' Rhina Bhar** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan semenjak permulaan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) adakah terdapat tindakan susulan dengan pelatih-pelatih yang telah menamatkan program ini yang kini sedang melanjutkan pelajaran di peringkat tinggi di Malaysia untuk menilai kejayaan perpaduan di antara kaum.
58. PN-1141-L2177  
**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg.Ahmad Raffae** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapakah sistem penyampaian perkhidmatan dari sudut kecekapan, tulus, mudah, mesra pelanggan, keberkesanan dan berintegriti masih tidak memuaskan. Niat murni Kerajaan untuk meningkatkan produktiviti untuk memastikan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan yang berterusan akan terbantut dan apakah pendekatan baru yang dapat diperkenalkan untuk memperkukuhkan integriti dan menambah baik sistem yang sedia ada.
59. PN-1141-L2662  
**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan program Kementerian dalam membangunkan Wilayah-wilayah Persekutuan agar menepati konsep "prasarana antarabangsa dan minda kelas pertama".
60. PN-1141-L2863  
**Dato' Ismail bin Kasim** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah pengambilan pekerja asing dibuat dengan mengambil kira kekurangan pasaran buruh negara dan apakah terdapat perubahan dasar dalam pengambilan pekerja asing yang sepatutnya perlu dibuat melalui Syarikat Out Sourcing bukannya melalui ejen-ejen.
61. PN-1141-L2301  
**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan daripada 15,000 syarikat yang belum menjelaskan cukai jualan dan perkhidmatan yang tertunggak sebanyak RM1billion, berapa banyak syarikat yang sudah berjaya diburu untuk membayarnya dan apakah kelemahan yang menyebabkan syarikat tersebut terlepas daripada membayar cukai berkenaan.

62. PN-1141-L2328  
**Puan Hajah Wan Ramlah binti Wan Ahmad** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah langkah yang telah dilakukan oleh Kementerian dalam memartabatkan penggunaan Bahasa Malaysia di kalangan pelajar sesuai dengan kedudukan bahasa itu sebagai bahasa utama negara.
63. PN-1141-L2233  
**Dato' Tajul Urus bin Haji Mat Zain** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kes bunuh diri dan bunuh anak sendiri oleh ibu bapa, mengikut pecahan kaum dan umur.
64. PN-1141-L2250  
**Tuan Osman bin Bungsu** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kriteria untuk mengkaji semula skim tangga gaji sektor awam sekarang dan berapakah anggaran kos dijangka terlibat jika Kerajaan mengumumkan kenaikan gaji dalam masa terdekat.
65. PN-1141-L2926  
**Datuk Latiff bin Datuk Thamby Chik** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sejauh manakah Kerajaan dapat mengawal harga rumah dalam konsep 'Bina dan Jual'.
66. PN-1141-L2767  
**Tuan Chua Kim Chuan** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan setiap penjara patut mempunyai jawatan Medical Officer (MO), setakat ini berapakah penjara yang telah mempunyai MO dan berapakah yang belum diisi jawatan tersebut.

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

- |     |                |   |                               |
|-----|----------------|---|-------------------------------|
| 1.  | (D.R. 4/2007)  | Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2007- <b>Menyambung semula Perbahasan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang ( 23 Mei 2007 )”</b> . |                               |
| 2.  | (D.R. 6/2007)  | Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2007;  | <b>Bacaan Kali Yang Kedua</b> |
| 3.  | (D.R. 7/2007)  | Rang Undang-undang Antipemerdagangan Orang 2007;  | “                             |
| 4.  | (D.R. 8/2007)  | Rang Undang-undang Keadilan Jenayah (Pindaan) 2007;   | “                             |
| 5.  | (D.R. 11/2007) | Rang Undang-undang Pasaran modal dan Perkhidmatan 2007;   | “                             |
| 6.  | (D.R. 12/2007) | Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) 2007;   | “                             |
| 7.  | (D.R. 10/2007) | Rang undang-undang Perbadanan Kewangan Perdagangan Islam Antarabangsa 2007;   | “                             |
| 8.  | (D.R. 13/2007) | Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) (Pindaan) 2007; dan  | “                             |
| 9.  | (D.R. 14/2007) | Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) (Pindaan) 2007.   | “                             |
| 10. | PN-1141-U2092  | <b>Datuk (Dr.) Jins bin Shamsudin</b> akan mencadangkan:-   |                               |

"Bahawa, Ahli-ahli Dewan yang mulia ini menjunjung kasih atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong semasa berangkat membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Kesebelas yang telah menghargai Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat dalam menerajui tampuk perundangan negara;

Menyedari, seruan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong supaya Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat membuktikan kesetiaan kepada Raja dan Negara dengan menjalankan segala tugas dan kewajipan, di luar mahupun di dalam Dewan yang mulia ini dengan penuh kewibawaan dan integriti;

Maka, Dewan yang mulia ini membuat satu ketetapan supaya lagu "Negaraku" dimainkan dan dinyanyikan beramai-ramai oleh Ahli-ahli Dewan Negara termasuk pegawai-pegawai yang hadir pada setiap kali selepas bacaan doa pada setiap hari Dewan bersidang; dan ketetapan ini juga hendaklah dipanjangkan kepada Dewan Rakyat."

**(Perdana Menteri)**

11. PN-1141-U2323

**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan agar Kerajaan segera memberikan perhatian dan bantuan yang serius terhadap nasib pekerja-pekerja Malaysia yang terkandas dan tertipu di Singapura. Tindakan tegas mestilah diambil terhadap agensi-agensi pekerjaan khususnya yang beroperasi di Malaysia. Kerajaan juga perlu mengujudkan perjanjian dua hala yang lebih ketat mengenai pengambilan pekerja-pekerja Malaysia ke Singapura."

**(Menteri Luar Negeri)**

12. PN-1141-U2325

**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan agar Kerajaan mengambil langkah segera untuk menyelamatkan 50 Institusi Latihan Kemahiran Swasta (ILKS) bumiputera yang nyawa-nyawa ikan sedangkan 700 buah lagi telah pun gulung tikar. Masalah seperti kesukaran mendapatkan pembiayaan pelajar, kekurangan pelajar, saingan daripada Institusi Latihan Awam (ILA) dan dasar yang tidak jelas sejak 2003 masih menghantui masa depan ILKS bumiputera ini."

**(Menteri Sumber Manusia)**

13. PN-1141-U2327

**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan agar Kerajaan bertindak tegas terhadap stesen penyiaran swasta yang gagal memenuhi garis panduan penyiaran yang menetapkan sekurang-kurangnya 60% program adalah dalam Bahasa Kebangsaan. Ia adalah isu lama yang berlarutan yang berkait rapat dengan isu komitmen, penguatkuasaan dan pertindihan tanggungjawab."

**(Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi)**

14. PN-1141-U2329

**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan agar Kerajaan mengharamkan sebarang program realiti yang pemenangnya ditentukan semata-mata oleh undian SMS. Ternyata program seumpama ini hanya bertujuan untuk mengeksploitasi orang ramai yang berbelanja secara membazir. Ia bukan sahaja gagal melahirkan pemenang yang berkualiti tetapi mengujudkan budaya yang salah dalam melahirkan idola yang sepatutnya dicontohi oleh generasi muda."

**(Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi)**